

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 1/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	Perintah Am Bab B memperuntukkan bahawa seseorang pegawai layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran kerana bertugas rasmi berdasarkan kadar dan syarat yang telah ditetapkan. <u>Takrifan</u> <u>Tugas Rasmi</u> Tugas yang berkaitan dengan tugas pejabat selain daripada menghadiri kursus yang dibenarkan. <u>Pegawai</u> - Seseorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik secara tetap dan sementara. - Seseorang pegawai di dalam Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia kecuali Pasukan Sukarelawan. <u>Gred</u> Gred Gaji di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 dan pindaannya. Pegawai yang membuat pilihan untuk tidak menerima SSM boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran di bawah Pekeliling ini berdasarkan Gred/ Kategori masing-masing di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) atau Kumpulan Gaji masing-masing di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana yang berkenaan. Jadual perubahan / perbandingan adalah seperti di Lampiran A.	PP WP1.4 PP WP1.5 Perenggan 2.5, PP WP1.4 Perenggan 2.4, PP WP1.5 Perenggan 2.3, PP WP1.4 Perenggan 2.2, PP WP1.5 Perenggan 2.1, PP WP1.4

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 2/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	1. Tuntutan Elaun Perjalanan Pastikan Tuntutan Elaun Perjalanan diterima selewat-lewatnya 10 haribulan dalam bulan berikutnya dan dokumen sokongan disertakan seperti berikut: 1.1 Borang Tuntutan Elaun Perjalanan Ke Luar Negeri yang lengkap diisi (termasuk pendahuluan diri) dan ditandatangani. Nota: i. Tuntutan perjalanan mengikut Peraturan-peraturan Perkhidmatan Awam dan Pekeliling Perbendaharaan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 10 hari bulan dalam bulan yang berikutnya. Sebarang permohonan lewat daripada tempoh yang ditetapkan perlu mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal. Bagi melaksanakan tujuan tersebut, Pegawai Pengawal boleh mewakili kuasanya kepada pegawai kanan untuk meluluskan pengecualian tersebut berpandukan kepada Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan. ii. Seseorang pegawai hanya boleh mengemukakan satu Borang Tuntutan Perjalanan dalam satu-satu bulan. Jika perjalanan dimulakan pada atau hampir hujung bulan dan disempurnakan dalam bulan yang berikutnya, hitungan kilometer pergi dan balik hendaklah dianggap sebagai perjalanan bagi bulan perjalanan itu disempurnakan.	Perenggan 19, WP1.4 (Lampiran D) Perenggan 19, WP1.5 (Lampiran C) AP100(a) AP100(d)

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	iii. Tuntutan bagi perjalanan rasmi dalam negeri atau luar negeri dan perpindahan rumah hendaklah masing-masing dibuat pada tuntutan yang berasingan. iv. Tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kerana menjalankan tugas rasmi dan semasa berkursus hendaklah bersekali dalam satu-satu bulan, mengikut di dalam negeri atau di luar negeri. 1.2 Resit asal atau dokumen yang membuktikan bayaran; Pastikan dokumen berkenaan contohnya salinan penyata Touch n Go/ eWallet/ Kad Debit/ Kad Kredit / lain-lain aplikasi dikemukakan dengan “Disahkan bahawa perbelanjaan ini adalah perbelanjaan rasmi Kerajaan”; 1.3 Surat panggilan / arahan untuk menjalankan tugas rasmi; 1.4 Arahan/ Kelulusan Ketua Jabatan atau Pegawai Yang Menyelia bagi menjalankan tugas rasmi di luar pejabat; 1.5 Kelulusan Ketua Jabatan untuk menggunakan kenderaan sendiri (sekiranya melebihi 240km sehalala); 1.6 Surat kelulusan ke luar negeri (jika berkaitan); 1.7 Salinan penyata akaun bank yang aktif/ dokumen yang menunjukkan nombor akaun bank (bagi individu bukan pegawai di jabatan tersebut); dan 1.8. Bagi individu yang sudah meninggal dunia, bayaran kepada waris hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti berikut:	AP100(d) Perenggan 4.10, SPANM Bil.7 Tahun 2018 Perenggan 4.10, SPANM Bil.7 Tahun 2018

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 4/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	i. Salinan penyata akaun/ dokumen yang menunjukkan nombor akaun bank yang aktif; dan ii. Salinan sijil nikah (jika yang meninggal suami/ isteri); atau iii. Salinan sijil kelahiran (jika yang meninggal bapa/ ibu); iv. Salinan sijil kematian; dan v. Bon Ganti Rugi (<i>Indemnity Bond</i>)/ Akuan Ganti Rugi; atau vi. Surat kuasa mentadbir pusaka (sekiranya jumlah melebihi RM2,000.00). 1.9 Surat Akuan Ketidadaan Kemudahan-kemudahan (<i>Non-availability Certificate</i>), jika berkenaan; Nota: Ketua Setiausaha Kementerian diberi kuasa meluluskan kursus pendek di luar negara yang dibiayai Kerajaan Persekutuan. Bagi jabatan yang tidak di bawah kawalan kementerian, maka kuasa tersebut diberi kepada Ketua Jabatan 1.10 Arahan pembayaran bagi pendahuluan diri, jika berkenaan; 1.11 Kelulusan Pegawai Pengawal/ wakil diberi kuasa bagi kelewatan mengemukakan tuntutan perjalanan (Arahan Perbendaharaan 100(a)), jika berkenaan; 1.12 Surat kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan berkaitan belanja keraian dan resit belanja keraian;	Perenggan 4.10, SPANM Bil.7 Tahun 2018 Perenggan 5.4.1, PP WP1.5 Perenggan 12 (iii) dan (iv), Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2005 Perenggan 6.6, PP WP1.4 Perenggan 6.6, PP WP1.5

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 5/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	1.13 Surat kelulusan Ketua Setiausaha Negara/ Ketua Setiausaha Perbendaharaan/ Pegawai Pengawal untuk pegawai menjalankan tugas rasmi; Nota: i. Permohonan kelulusan lawatan rasmi ke luar negara bagi Ketua Setiausaha Kementerian / Ketua Perkhidmatan / Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan hendaklah diperolehi daripada Ketua Setiausaha Negara. ii. Perjalanan ke luar negara yang berkaitan dengan sesuatu perolehan atau kontrak yang telah ditandatangani oleh jabatan dan agensi hendaklah dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Perbendaharaan untuk kelulusan. iii. Pegawai Pengawal tidak dibenarkan menurunkan kuasa ini kepada pegawai lain. iv. Bilangan pegawai yang mengiringi Ketua Delegasi, iaitu sama ada Menteri / Timbalan Menteri / Ketua Setiausaha / Ketua Jabatan yang dibenarkan adalah seperti berikut: a. Tidak melebihi dua (2) orang bagi negara yang mempunyai pejabat perwakilan Malaysia; b. Tidak melebihi tiga (3) orang bagi negara yang tidak mempunyai pejabat perwakilan Malaysia; dan c. Bagi mesyuarat berjadual atau yang bersifat teknikal, kelonggaran kepada delegasi boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri / Pegawai Pengawal.	Perenggan 4, Surat Pekeliling Am Bil.1 Tahun 2015 Perenggan 2.2.5, PP PB2.4 Perenggan 3.1, PP PB2.4 Perenggan 3.4.3, PP PB3.1 Perenggan 3.4.4, PP PB3.1

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 6/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	v. Kekerapan perjalanan maksimum atas tugas rasmi (tidak termasuk kursus/ latihan) ke luar negara yang dibenarkan dalam tempoh setahun adalah seperti berikut: a. Tiga (3) kali bagi Ketua Setiausaha/ Ketua Jabatan/ Ketua Agensi; dan b. Dua (2) kali bagi lain-lain pegawai. 1.14 Dokumen sokongan lain (jika berkaitan). 2. Sijil AP58(a) Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan dan memenuhi syarat berikut : 2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima; dan 2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan sepatutnya dibayar dan baki peruntukan tahun semasa adalah mencukupi. Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan Perbendaharaan disertakan (jika berkaitan).	AP58(a)

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020

MUKA SURAT : 7/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan												
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	3. Elaun Makan/ Elaun Harian 3.1 Elaun Makan yang layak dituntut bagi tiap-tiap kali bermalam di luar negeri adalah seperti berikut: <table><tr><th>Gred/ Pangkat</th><th>Kadar Sehari (RM)</th></tr><tr><td>Utama/ Khas A dan ke atas/ Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara</td><td>370</td></tr><tr><td>Utama/ Khas B dan C/ Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis</td><td>340</td></tr><tr><td>53 dan 54/ Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis</td><td>320</td></tr><tr><td>45 hingga 52/ Timbalan Penguasa Polis hingga Penolong Pesuruhjaya Polis</td><td>270</td></tr><tr><td>44 dan ke bawah/ Pegawai selain daripada di atas</td><td>Seperti di Lampiran B</td></tr></table> 3.2 Elaun Makan juga layak dituntut jika seseorang pegawai itu meninggalkan tempat bertugas rasmi di luar negeri pada jam 6:00 petang atau selepasnya; 3.3 Seseorang pegawai yang meninggalkan tempat bertugas rasmi di luar negeri pada jam 1:00 tengah hari atau selepasnya tetapi sebelum jam 6:00 petang hanya layak menuntut Elaun Harian sahaja, iaitu separuh daripada Elaun Makan;	Gred/ Pangkat	Kadar Sehari (RM)	Utama/ Khas A dan ke atas/ Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara	370	Utama/ Khas B dan C/ Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis	340	53 dan 54/ Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis	320	45 hingga 52/ Timbalan Penguasa Polis hingga Penolong Pesuruhjaya Polis	270	44 dan ke bawah/ Pegawai selain daripada di atas	Seperti di Lampiran B	Perenggan 6.1, PP WP1.4 Perenggan 6.1, PP WP1.5
Gred/ Pangkat	Kadar Sehari (RM)													
Utama/ Khas A dan ke atas/ Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara	370													
Utama/ Khas B dan C/ Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis	340													
53 dan 54/ Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis	320													
45 hingga 52/ Timbalan Penguasa Polis hingga Penolong Pesuruhjaya Polis	270													
44 dan ke bawah/ Pegawai selain daripada di atas	Seperti di Lampiran B													

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 8/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan						
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	3.4 Seseorang pegawai yang sedang dalam perjalanan tetapi terpaksa menunggu penerbangan di sesuatu tempat di luar negeri yang tempohnya melebihi enam (6) jam adalah layak menuntut Elaun Harian; 3.5 Seseorang pegawai tidak layak menuntut Elaun Makan atau Elaun Harian jika kemudahan makan disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur. Sekiranya sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, pegawai hanya layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan itu tertakluk kepada kadar seperti berikut: <table><tr><td>sarapan pagi</td><td>20% drpd E Makan</td></tr><tr><td>makan tengah hari</td><td>40% drpd E Makan</td></tr><tr><td>makan malam</td><td>40% drpd E Makan</td></tr></table> 3.6 Elaun Makan tidak boleh dibayar untuk masa bertugas yang melebihi tiga (3) bulan terus-menerus, termasuk hari kelepasan am dan mingguan; dan 3.7 Sekiranya Penganjur menyediakan kemudahan bagi menampung perbelanjaan makan tersebut dalam bentuk wang, maka pegawai layak menuntut perbezaannya.	sarapan pagi	20% drpd E Makan	makan tengah hari	40% drpd E Makan	makan malam	40% drpd E Makan	Perenggan 6.1, PP WP1.4 Perenggan 6.1, PP WP1.5
sarapan pagi	20% drpd E Makan							
makan tengah hari	40% drpd E Makan							
makan malam	40% drpd E Makan							

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020

MUKA SURAT : 9/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan						
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	4. Bayaran Sewa Hotel /Elaun Lojing 4.1 Seseorang pegawai layak menuntut Bayaran Sewa Hotel atas kadar sebenar seperti berikut: <table><tr><th>Gred/ Pangkat</th><th>Kadar Sehari (RM)</th></tr><tr><td>Gred Utama/ Khas A dan ke atas/ Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara</td><td>Standard suite</td></tr><tr><td>Pegawai selain daripada di atas</td><td>Biasa</td></tr></table> 4.2 Bagi maksud memohon Pendahuluan Diri, kadar Bayaran Sewa Hotel seperti di Lampiran B adalah digunakan sebagai panduan; 4.3 Bayaran Sewa Hotel tidak boleh dibayar untuk tempoh bertugas yang melebihi tiga (3) bulan terus-menerus, termasuk hari kelepasan am dan mingguan; 4.4 Bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan atau bayaran lain yang wajib ke atas sewa hotel adalah layak dituntut dan dikira sebagai sebahagian daripada kadar Bayaran Sewa Hotel itu; 4.5 Seseorang pegawai adalah layak menuntut Elaun Lojing mengikut kadar-kadar seperti di Lampiran B jika tidak menuntut Bayaran Sewa Hotel; Nota: Alamat atau koordinat lojing hendaklah dinyatakan pada b orang tuntutan dengan jelas.	Gred/ Pangkat	Kadar Sehari (RM)	Gred Utama/ Khas A dan ke atas/ Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara	Standard suite	Pegawai selain daripada di atas	Biasa	Perenggan 6.2, PP WP1.4 Perenggan 6.2, PP WP1.5
Gred/ Pangkat	Kadar Sehari (RM)							
Gred Utama/ Khas A dan ke atas/ Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara	Standard suite							
Pegawai selain daripada di atas	Biasa							

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 10/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	4.6 Seseorang pegawai tidak layak menuntut Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing jika penginapan disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur; dan 4.7 Seseorang anggota polis yang ditetapkan sebagai Juruiring/ Pengawal Peribadi/ Pengiring Rapat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/ Duli Yang Maha Mulia Sultan/ Yang di-Pertua Negeri/ Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri/ Menteri dan Timbalan Menteri/ Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar/ Ketua Hakim Negara/ Presiden Mahkamah Rayuan/ Hakim Besar Malaya/ Hakim Besar Sabah dan Sarawak, kelayakan pegawai adalah atas kadar sebenar Bilik Biasa (secara berkongsi setakat mana yang boleh) apabila menjalankan tugas mengiringi pembesar/ orang kenamaan. Walau bagaimanapun, sekiranya pegawai berkenaan menjalankan tugas rasmi dan tidak mengiringi pembesar/ orang kenamaan, kemudahan penginapan hendaklah mengikut kelayakan masing-masing.	Perenggan 6.2, PP WP1.4 Perenggan 6.2, PP WP1.5

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 11/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	5. Elaun Dan Bayaran Semasa Singgah Dalam Perjalanan 5.1 Seseorang pegawai yang melakukan penerbangan melebihi 12 jam terus-menerus, dibenarkan singgah bermalam untuk satu (1) malam sahaja di sesuatu tempat dalam perjalanan itu, iaitu sekali semasa perjalanan pergi dan sekali dalam perjalanan pulang, dengan syarat perjalanan yang ditempuh (<i>route</i>) itu merupakan perjalanan yang diperakui paling singkat. Bagi tempoh persinggahan tersebut, pegawai adalah layak menuntut Elaun Makan atau Elaun Harian seperti yang dinyatakan di perenggan 2.0 dan Bayaran Sewa Hotel/ Elaun Lojing seperti yang dinyatakan di perenggan 3.0; dan 5.2 Seseorang pegawai yang perlu singgah bermalam semasa dalam perjalanan disebabkan oleh ketiadaan kapal terbang atau kemudahan pengangkutan lain dan juga perbelanjaan bermalam itu tidak diimbuhkan oleh mana-mana syarikat penerbangan adalah layak juga menuntut Elaun Makan atau Elaun Harian seperti yang dinyatakan di perenggan perenggan 2.0 dan Bayaran Sewa Hotel / Elaun Lojing seperti yang dinyatakan di perenggan 3.0.	Perenggan 6.3, PP WP1.4 Perenggan 6.3, PP WP1.5

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 12/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	6. Elaun Gantian Tetap 6.1 Seseorang pegawai layak menuntut Elaun Gantian Tetap jika tempoh bertugas rasmi itu adalah melebihi tiga (3) bulan tetapi kurang daripada enam (6) bulan, termasuk hari kelepasan am dan mingguan mengikut kadar seperti berikut: Elaun Gantian Tetap = (Elaun Makan + Elaun Lojing) x Jumlah hari bertugas rasmi 6.2 Bagi tujuan perenggan 5.1 di atas, jumlah hari yang sebenar pegawai itu menjalankan tugas di luar negeri hendaklah dikira mulai dari hari ketibaannya. Seseorang pegawai yang pulang ke Ibu Pejabatnya secara sementara selama tidak lebih daripada tujuh (7) hari dan kembali meneruskan tugas tidak akan dianggap sebagai menjalankan tugas yang baru tetapi dikira sebagai menyambung tugas asalnya; dan 6.3 Seseorang pegawai layak menuntut mana-mana komponen Elaun Gantian Tetap sama ada Elaun Makan atau Elaun Lojing, jika komponen tersebut tidak disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur.	Perenggan 6.4, PP WP1.4 Perenggan 6.4, PP WP1.5

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 13/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	7. Belanja Pelbagai 7.1 Seseorang pegawai layak menuntut Belanja Pelbagai seperti berikut: i. Tambang pengangkutan awam tempatan jika kenderaan tidak disediakan; ii. Bayaran telefon, telegram, bayaran pos dan bayaran faks atas urusan rasmi; iii. Belanja dobi yang disokong dengan resit; iv. Bayaran Cukai Lapangan Terbang yang disokong dengan resit; v. Bayaran <i>Excess Baggage</i> untuk barang-barang rasmi yang disokong dengan resit; vi. 3% daripada jumlah tuntutan perjalanan sebagai ganti rugi berkaitan dengan pertukaran kepada mata wang asing; vii. 15% daripada Elaun Makan bagi maksud bayaran <i>tips</i>, <i>gratuities</i> atau <i>portage</i>; dan viii. Bayaran pasport antarabangsa dan visa yang disokong dengan resit.	Perenggan 6.5, PP WP1.4 Perenggan 6.5, PP WP1.5

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 14/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	8. Belanja Keraian 8.1 Seseorang pegawai layak menuntut Belanja Keraian tertakluk kepada syarat seperti berikut: i. Seseorang pegawai yang dibenarkan oleh Perbendaharaan membuat perbelanjaan bagi mengadakan keraian rasmi semasa bertugas rasmi di luar negeri hendaklah mengehadkan jumlah perbelanjaan di Perenggans yang berpatutan dan tiap-tiap perbelanjaan itu hendaklah disokong dengan resit; ii. Kelulusan bagi sesuatu keraian rasmi, seperti jamuan makan dan sebagainya boleh diberi jika sesuatu perwakilan itu diketuai oleh seorang Menteri. Belanja mengadakan keraian yang diberi secara peribadi, iaitu yang bersifat persendirian tidak boleh dipertanggungkan kepada Kerajaan; dan iii. Sekiranya ahli-ahli sesuatu perwakilan itu terdiri daripada pegawai-pegawai sahaja, peruntukan kewangan untuk mengadakan keraian hanya dapat dipertimbangkan oleh Perbendaharaan jika dapat ditunjukkan terlebih dahulu bahawa keraian rasmi terpaksa diadakan untuk kepentingan Kerajaan.	Perenggan 6.6, PP WP1.4 Perenggan 6.6, PP WP1.5

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 15/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	9. Elaun Pakaian Panas 9.1 Seseorang pegawai, tetapi tidak termasuk pegawai yang berkhidmat di luar negeri yang tertakluk kepada arahan yang berasingan, adalah layak menuntut Elaun Pakaian Panas sebanyak RM1,500 sekali dalam tempoh tiga (3) tahun apabila dikehendaki bertugas di luar negeri di negara/ kawasan beriklim sederhana/ sejuk; 9.2 Bagi tujuan pembayaran elaun ini, negara/ kawasan beriklim sederhana/ sejuk bermakna negara/ kawasan yang terletak di utara Garisan Sartan (<i>Tropic of Cancer</i>) dan negara/ kawasan yang terletak di selatan Garisan Jadi (<i>Tropic of Capricorn</i>); 9.3 Elaun ini hendaklah dituntut sebelum pegawai pergi ke luar negeri atau selewat-lewatnya tiga (3) bulan selepas pulang dari luar negeri. Kelulusan elaun hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan pegawai tersebut; dan 9.4 Pegawai Pengawal adalah dibenarkan untuk meluluskan Elaun Pakaian Panas mengikut syarat-syarat seperti di perenggan 8.1.	Perenggan 6.7, PP WP1.4 Perenggan 6.7, PP WP1.5

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 16/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	10. Belanja Perubatan 10.1 Seseorang pegawai yang jatuh sakit semasa bertugas rasmi di luar negeri dan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan perubatan adalah layak menuntut Belanja Perubatan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut: i. Belanja Perubatan hendaklah munasabah. Jika terdapat Perkhidmatan Kesihatan Negara di negara berkenaan seberapa boleh ianya hendaklah digunakan; ii. Belanja Perubatan itu hanya untuk bayaran bagi rawatan perubatan biasa sahaja; iii. Seseorang pegawai yang mendapat rawatan wad tidak layak menuntut Elaun Makan dan Bayaran Sewa Hotel/ Elaun Lojing semasa di dalam hospital tersebut; iv. Bayaran hospital adalah ditanggung oleh Kerajaan dan pegawai hanya dikenakan bayaran wad menurut kadar yang ditetapkan bagi dalam negeri kecuali kecederaan yang berlaku semasa menjalankan tugas rasmi yang mana bayarannya adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan; dan v. Bagi negara yang mewajibkan pengambilan insurans perubatan bagi mendapatkan rawatan hospital, bayaran premium bagi seseorang pegawai itu adalah ditanggung oleh Kerajaan.	Perenggan 6.8 PP WP1.4 Perenggan 6.8, PP WP1.5

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 17/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	11. Kemudahan Perjalanan Dengan Kapal Terbang Seseorang pegawai adalah digalak menggunakan perkhidmatan kapal terbang untuk menjalankan tugas rasminya jika ianya adalah lebih murah dan menjimatkan masa tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut: 11.1 Semua perjalanan udara hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan Sistem Penerbangan Nasional (merujuk kepada syarikat penerbangan Malaysia Airlines Berhad - MAB). Walau bagaimanapun, pegawai boleh juga memilih untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan yang lain, iaitu Syarikat AirAsia Berhad (AirAsia) dan Malindo Air atau Sistem Penerbangan Negara (merujuk kepada mana-mana syarikat penerbangan yang diluluskan lesen perkhidmatan udara (penumpang) oleh Kerajaan) sepertimana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2013 dan Pekeliling Perbendaharaan WP 2.5 serta pindaan-pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa; dan 11.2 Perjalanan udara hendaklah melalui arah perjalanan yang paling dekat;	Perenggan 7, PP WP1.4 Perenggan 7, PP WP1.5 Perenggan 2.1 PP WP2.5

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020

MUKA SURAT : 18/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan								
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	11.3 Kelayakan kelas tempat duduk penerbangan pegawai adalah seperti berikut: <table><tr><th>Gred/ Pangkat</th><th>Kelas</th></tr><tr><td>Utama/ Khas A dan ke atas/Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara</td><td>Satu</td></tr><tr><td>Utama/ Khas B dan C/ PerniagaanPesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis</td><td>Satu</td></tr><tr><td>54 dan ke bawah/ Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis dan ke bawah</td><td>Ekonomi</td></tr></table> 11.4 Sekiranya pegawai dikehendaki menjadi ketua sesuatu delegasi, beliau adalah layak mendapat kemudahan penerbangan mengikut kelayakannya atau kelayakan ahli yang paling kanan dalam delegasi tersebut; 11.5 Sekiranya penganjur menyediakan kemudahan penerbangan tetapi Kelas yang diberi adalah rendah daripada Kelas yang dilayaki, maka pegawai layak mendapat kemudahan sebagaimana kelayakannya dengan perbezaan tambang ditanggung oleh Kerajaan;	Gred/ Pangkat	Kelas	Utama/ Khas A dan ke atas/Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara	Satu	Utama/ Khas B dan C/ PerniagaanPesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis	Satu	54 dan ke bawah/ Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis dan ke bawah	Ekonomi	
Gred/ Pangkat	Kelas									
Utama/ Khas A dan ke atas/Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara	Satu									
Utama/ Khas B dan C/ PerniagaanPesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis	Satu									
54 dan ke bawah/ Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis dan ke bawah	Ekonomi									

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 19/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	11.6 Bagi anggota polis yang ditetapkan sebagai Juruiring / Pengawal Peribadi / Pengiring Rapat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong / Duli Yang Maha Mulia Sultan / Yang di-Pertua Negeri / Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri / Menteri dan Timbalan Menteri/ Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar / Ketua Hakim Negara / Presiden Mahkamah Rayuan/ Hakim Besar Malaya / Hakim Besar Sabah dan Sarawak, semasa menjalankan tugas mengiringi pembesar/ orang kenamaan tersebut adalah mengikut kelas pembesar/ orang kenamaan yang diiringi. Walau bagaimanapun, sekiranya pegawai berkenaan menjalankan tugas rasmi dan tidak mengiringi pembesar/ orang kenamaan, kemudahan pengangkutan awam hendaklah mengikut kelayakan masing-masing. 11.7 Kos yang boleh dituntut oleh pegawai apabila membuat pembelian tiket penerbangan secara atas talian tanpa menggunakan waran perjalanan udara awam (WPUA) adalah seperti berikut: i. Harga tiket penerbangan; ii. Surcaj bahan api; iii. Cukai lapangan terbang; iv. KLIA2 fees, jika berkaitan; v. Cukai Jualan dan Perkhidmatan; dan vi. Bagasi (tuntutan berdasarkan kilogram bagasi paling minimum yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan);	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKA SURAT : 20/22

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	vii. Insurans; viii. Fi pemprosesan - fi tersebut adalah wajib bagi membolehkan tiket dikeluarkan oleh syarikat penerbangan atau syarikat pengembara pelancongan; dan ix. Tuntutan - tuntutan lain yang diluluskan oleh Pegawai Pengawal. Pegawai Pengawal boleh menentukan kos-kos lain yang boleh dituntut berdasarkan kepada kewajaran dan keperluan Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing. 12. Pendahuluan Diri 12.1 Seseorang pegawai yang dikehendaki bertugas rasmi di luar Ibu Pejabat sama ada di dalam atau di luar negeri adalah layak memohon Pendahuluan Diri sebelum bertolak untuk menjalankan tugas rasminya tertakluk kepada syarat-syarat di dalam Pekeliling Perbendaharaan WP3.2 serta apa-apa peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Seseorang pegawai tidak layak diberi sebarang Pendahuluan Diri selanjutnya jika beliau belum menjelaskan sepenuhnya sebarang Pendahuluan Diri berkaitan dengan tuntutan perjalanan yang telah diluluskan kepadanya. Pemberian Pendahuluan Diri tidak boleh dianggap sebagai satu kelulusan bagi membuat perjalanan ke luar negeri.	Perenggan 8, PP WP1.4 Perenggan 8, PPWP1.5

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : **BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI**

TARIKH KEMASKINI : **31 DISEMBER 2020**

MUKA SURAT : **21/22**

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan																														
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	13. Kod Akaun Semak sama ada kod akaun yang dipertanggungkan ke atas arahan pembayaran dikenakan pada kod yang berikut: 13.1 Program <i>One-Off</i>, dan 13.2 Kod akaun yang berikut: <table> <tr> <th>Perkara</th><th>Pegawai Perkhidmatan Awam</th><th>Polis</th></tr> <tr> <td>Bayaran Pasport dan Visa</td><td>B0115102</td><td>B0115202</td></tr> <tr> <td>Belanja Perubatan</td><td>B0115111</td><td>B0115210</td></tr> <tr> <td>Elaun Pakaian Panas</td><td>B0115112</td><td>B0115211</td></tr> <tr> <td>Elaun Makan/ Harian</td><td>B0221201</td><td>B0221401</td></tr> <tr> <td>Bayaran Sewa Hotel, Elaun Lojing</td><td>B0221202</td><td>B0221402</td></tr> <tr> <td>Tambang Kereta Api/ Komuter/ LRT/ ERL</td><td>B0221203</td><td>B0221403</td></tr> <tr> <td>Elaun Perjalanan Kenderaan/ Motobot/ Motosangkut/ Basikal/ Motosikal, Tambang Bas/ Teksi</td><td>B0221204</td><td>B0221404</td></tr> <tr> <td>Tambang Kapal/ Bot/ Feri</td><td>B0221205</td><td>B0221405</td></tr> <tr> <td>Tambang Kapal Terbang, Tambang Gantian</td><td>B0221206</td><td>B0221406</td></tr> </table>	Perkara	Pegawai Perkhidmatan Awam	Polis	Bayaran Pasport dan Visa	B0115102	B0115202	Belanja Perubatan	B0115111	B0115210	Elaun Pakaian Panas	B0115112	B0115211	Elaun Makan/ Harian	B0221201	B0221401	Bayaran Sewa Hotel, Elaun Lojing	B0221202	B0221402	Tambang Kereta Api/ Komuter/ LRT/ ERL	B0221203	B0221403	Elaun Perjalanan Kenderaan/ Motobot/ Motosangkut/ Basikal/ Motosikal, Tambang Bas/ Teksi	B0221204	B0221404	Tambang Kapal/ Bot/ Feri	B0221205	B0221405	Tambang Kapal Terbang, Tambang Gantian	B0221206	B0221406	Perenggan 2.2.2, PP PB2.4 PP PS1.1 SPANM Bil.10 Tahun 2017
Perkara	Pegawai Perkhidmatan Awam	Polis																														
Bayaran Pasport dan Visa	B0115102	B0115202																														
Belanja Perubatan	B0115111	B0115210																														
Elaun Pakaian Panas	B0115112	B0115211																														
Elaun Makan/ Harian	B0221201	B0221401																														
Bayaran Sewa Hotel, Elaun Lojing	B0221202	B0221402																														
Tambang Kereta Api/ Komuter/ LRT/ ERL	B0221203	B0221403																														
Elaun Perjalanan Kenderaan/ Motobot/ Motosangkut/ Basikal/ Motosikal, Tambang Bas/ Teksi	B0221204	B0221404																														
Tambang Kapal/ Bot/ Feri	B0221205	B0221405																														
Tambang Kapal Terbang, Tambang Gantian	B0221206	B0221406																														

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : **BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI**

TARIKH KEMASKINI : **31 DISEMBER 2020**

MUKA SURAT : **22/22**

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak			Rujukan
Tuntutan Perjalanan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri	Perkara	Pegawai Perkhidmatan Awam	Polis	Perenggan 2.2.2, PP PB2.4 PP PS1.1 SPANM 10 Tahun 2017
	<i>Tips, Gratuities, Porterage</i> , Bayaran Tol, Cukai Lapangan Terbang, Cukai Perkhidmatan, Cukai Warisan, Bayaran Letak Kereta, Ganti Rugi Pertukaran Mata Wang Asing	B0221299	B0221499	
	Bayaran <i>Excess Baggage</i> (Udara)	B0222704	B0222704	
	Pos Bungkusan	B0222805	B0222805	
	Pos Biasa, Mel Udara, Mel Berdaftar dan Ekspres	B0223101	B0223101	
	Telefon, Faks	B0223102	B0223102	
	Telegram	B0223103	B0223103	
	Premium Insurans Perubatan	B0229122	B0229122	
	Bayaran Dobi	B0229130	B0229130	
	Belanja Keraian	B0229411	B0229411	
	Elaun Gantian Tetap			
	- makan minum	B0221201	B0221401	
	- lojing	B0221202	B0221402	

Lampiran A

Jadual Perubahan/ Perbandingan Bagi Pegawai Yang Memilih Untuk Tidak Menerima Sistem Saraan Malaysia (SSM)

KUMPULAN (JKK 1976)	GRED/ KATEGORI (SSB)	GRED (SSM)
Kumpulan A	Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ Pengurusan dan Profesional	Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ Pengurusan dan Profesional
Tingkatan Tertinggi A dan ke atas	Gred Utama/ Khas A dan ke atas	Gred Utama/ Khas A dan ke atas
Tingkatan Tertinggi B dan C	Gred Utama/ Khas B dan C	Gred Utama/ Khas B dan C
Tingkatan Tertinggi D	Kategori I bergaji RM4,794.02 dan ke atas	Gred 53 dan 54
Tingkatan Tertinggi E	Kategori I bergaji RM4,794.01 dan ke bawah	Gred 53 dan 54
Tingkatan Tertinggi F dan G	Kategori II dan III bergaji RM3,905.88 dan ke atas	Gred 45 hingga 52
Tingkatan Kanan	Kategori III bergaji RM3,080.66 hingga RM3,905.87	Gred 45 dan 46
	Kategori IV bergaji RM3,017.74 dan ke atas	Gred 41 hingga 44
Tingkatan Biasa (Pegawai-pegawai Lain)	Kategori III bergaji RM3,080.65 dan ke bawah	Gred 45 dan 46
	Kategori IV bergaji RM3,017.73 dan ke bawah	Gred 41 hingga 44
Kumpulan B	Kumpulan Sokongan	Kumpulan Sokongan
Tingkatan Kanan/ Khas dan Tinggi	Kategori V dan VI	Gred 31 hingga 40
Tingkatan Biasa (Pegawai-pegawai Lain)	Kategori VII	Gred 27 hingga 30
Kumpulan C	Kumpulan Sokongan	Kumpulan Sokongan
Tingkatan Kanan/ Khas dan Tinggi	Kategori VIII	Gred 21 hingga 26
Tingkatan Biasa (Pegawai-pegawai Lain)	Kategori IX	Gred 17 hingga 20
Kumpulan D	Kumpulan Sokongan	Kumpulan Sokongan
Tingkatan Kanan/ Khas dan Tinggi	Kategori X	Gred 13 hingga 16
Tingkatan Biasa (Pegawai-pegawai Lain)	Kategori XI	Gred 1 hingga 12

Lampiran B

Kadar Elaun Makan, Bayaran Sewa Hotel/ Elaun Lojing Semasa Bertugas Rasmi Di Luar Negeri

Kategori Negara	Elaun Makan (RM)	Pendahuluan Diri Sewa Hotel (RM)	Elaun Lojing (RM)
Kategori I	175	400	100
Kategori II	195	440	120
Kategori III	215	480	140
Kategori IV	235	520	160
Kategori V	255	560	180

KATEGORI I					
Afghanistan	Chile	Kiribati	Nepal	Portugal	Tuvalu
Bangladesh	Colombia	Laos	North Korea	Samoa	Vietnam
Bolivia	Ecuador	Maldives	Pakistan	Sri Lanka	
Bulgaria	Fiji	Mauritius	Peru	Tanzania	
Cambodia	India	Myanmar	Philippines	Tonga	
KATEGORI II					
Angola	Greece	Malawi	Nauru	Seychelles	Thailand
Argentina	Guinea	Mali	New Zealand	Slovak Republic	Tunisia
Botswana	Hungary	Malta	Papua New Guinea	Solomon Island	Uganda
Czech Republic	Indonesia	Morocco	Perengganguay	South Africa	Uruguay
Ethiopia	Lesotho	Mozambique	Poland	Swaziland	Vanuatu
Ghana	Madagascar	Namibia	Senegal	Taiwan	Zimbabwe
KATEGORI III					
Albania	Belarus	Gibraltar	Kuwait	Netherlands	Tajikistan
Algeria	Brunei Darussalam	Iraq	Kyrgyzstan	Norway	Turkmenistan
Armenia	China	Ireland	Lebanon	Qatar	Ukraine
Australia	Cuba	Jamaica	Libya	Romania	Uzbekistan
Austria	Cyprus	Jordan	Luxembourg	Russia	
Azerbaijan	Egypt	Kazakhstan	Moldova	Spain	
Bahrain	Georgia	Kenya	Mongolia	Sudan	
KATEGORI IV					
Belgium	Canada	Gambia	Niger	Singapore	Venezuela
Benin	Croatia	Germany	Nigeria	Suriname	Yemen
Bosnia-Herzegovina	Denmark	Guyana	Saudi Arabia	Switzerland	Zambia
Brazil	France	Montenegro	Serbia	Syria	
KATEGORI V					
Barbados	Hong Kong	Japan	Oman	Sweden	United Arab Emirates
Dubai	Iran	Macau	South Korea	Trinidad & Tobago	United Kingdom
Finland	Italy	Mexico	St Lucia	Turkey	USA